

Newspaper	Berita Harian
Date	22 November 2015

Era kebangkitan ASEAN

PH- 22/11/2015

» *Najib minta rakyat, kerajaan negara anggota bersedia hadapi cabaran bersama*

► Kuala Lumpur

ASEAN perlu tampil sebagai entiti tunggal dengan satu wawasan dan satu identiti bagi menjadi gagasan untuk mengambil tempat tersendiri di Asia Pasifik mahupun pada persada antarabangsa, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri menegaskan, sebagai sebuah komuniti, ASEAN perlu memastikan rakyat dan kerajaan di Asia Tenggara sudah bersedia serta bertanggungjawab untuk bersama-sama menghadapi apa sahaja cabaran yang muncui.

"Ini masa ASEAN, ini masa kita. ASEAN boleh dan wajar memainkan peranan utama dalam mencorakkan abad Asia ini dan bekerja dengan rakan usaha sama merentas benua bagi mencorakkan dunia yang makmur, aman dan terbuka.

"Dunia dibelenggu kemusnahan oleh pengganas harus diganti dengan pendekatan bertolak ansur, kesederhanaan dan pengiktirafan nilai kemanusiaan.

"Kita perlu mengantarabangsakan ASEAN, menjadikan pakatan ini lebih kukuh berbanding secara individu, sekali gus memastikan kebangkitan ASEAN diperakui dan dihormati," katanya ketika ucapan pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang Berkaitan di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, deklarasi rasmi hari ini mengenai penubuhan Komuniti ASEAN pada 31 Disember 2015 menandakan kejayaan usaha sejak beberapa dekad lalu untuk mengintegrasikan, bekejasama dan bersatu padu untuk maju dari segi ekonomi, keselamatan politik serta sosio budaya.

Asas utama pacu ekonomi Najib turut menekankan kestabilan dan kemakhiuran serantau menjadi asas utama kebangkitan ASEAN dalam ekonomi global te-

"Ini masa ASEAN, ini masa kita. ASEAN boleh dan wajar memainkan peranan utama dalam mencorakkan abad Asia ini"

Najib Razak,
Perdana Menteri

utama dalam sektor pembuatan, perdagangan dan perkhidmatan, sekali gus menjadikannya dunia.


Katanya, tanpa ASEAN tidak mungkin negara serantau ini secara keseluruhan menikmati taraf hidup dikecapi sekarang atau mencapai gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) AS\$2.6 trilion tahun lalu, iaitu peningkatan lebih 80 peratus dalam tempoh tujuh tahun.

"Kira-kira setengah abad dahulu, kebanyakan daripada kita menyambut kemerdekaan tetapi tidak kurang yang merana akibat belenggu kemiskinan, kurangnya pengetahuan dan pengabaian selain dirundung masalah perang saudara.

"Di persimpangan ini, kita (ASEAN) mempunyai pilihan untuk mencontohi negara maju yang mana ekonominya berpaksaan kepada hanya yang paling kuat dapat hidup, selain fiasafah perlu ada yang gagal bagi membolehkan orang lain berjaya.

"Bagaimanapun, ASEAN memilih acuan tersendiri berlandaskan tolak ansur, kesederhanaan, kesaksamaan, keamanan, keharmonian dan kemakmuran serantau untuk maju bersama baik dari segi politik, ekonomi atau sosial," katanya.

Kerjasama isu alam sekitar Sehubungan itu, katanya, permuafakatan ASEAN bagi mewujudkan satu pasaran tunggal su-



paya pergerakan bebas barangan, perkhidmatan, tenaga kerja mahir, modal dan pelaburan dapat dizahirkan segera.

Beliau juga turut mengesyorkan ASEAN bekerjasama untuk

mencari penyelesaian kepada masalah alam sekitar seperti jerebu, bencana alam semula jadi, termasuk banjir dan gempa bumi, serta krisis migrasi penduduk.